

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @  
MARCUS MOJIGOH**

**[Putatan]**

**NO. SOALAN : 151**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan :-

- (a) berapa panjangkah "Projek Jalan Kampung" yang telah dibina dan dilebarkan di negeri Sabah; dan
- (b) berapa ramai isi rumah yang telah mendapat manfaat daripada Program BELB (Bekalan Elektrik Luar Bandar) BALB (Bekalan Air Luar Bandar) di negeri Sabah dan berapa banyak lagi program yang disebutkan di atas yang akan dilaksanakan di negeri Sarawak.

## **JAWAPAN :**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) atau sebelum ini dikenali sebagai Projek Jalan Kampung (PJK) telah berjaya membina dan menaiktaraf sepanjang 604.65km jalan di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga 31 Oktober 2014.
- (b) Dalam tempoh RMK-10 bermula dari tahun 2011 sehingga 30 Oktober 2014, sebanyak 32,409 buah rumah telah menerima manfaat di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan sebanyak 93,826 buah rumah telah berjaya menerima manfaat di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di negeri Sabah. Untuk makluman YB. juga, Kementerian sentiasa komited bagi meningkatkan pencapaian perbekalan elektrik dan air di Sabah dan Sarawak. Program-program ini akan diteruskan lagi pada tahun

2015 dan dalam tempoh RMK-11 bermula pada tahun 2016 hingga 2020, diunjurkan liputan bekalan elektrik ke Sabah dan Sarawak akan mencapai sebanyak 99.9%.